



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor.  
2755 Jalan Sentosa  
86000 Kluang, Johor.

Pejabat Am : 07-7722946

Fax: : 07-7722540

Laman Web : [www.ppdkluang.edu.my](http://www.ppdkluang.edu.my)

Ruj.Kami : PPDKLG.600-3/3/1(59)  
Tarikh 64 JUN 2024

Kepada,

Guru Besar,  
SJK(C) Daerah Kluang

Tuan,

**HEBAHAN PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK BAHASA CINA BAGI SJK(C)  
DAERAH KLUANG TAHUN 2024**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pertandingan Deklamasi Sajak Bahasa Cina bagi SJKC Daerah Kluang akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	: 13 Julai 2024 (Sabtu)
<b>Masa Pendaftaran</b>	: 7:30 pagi
<b>Masa Pertandingan</b>	: 8:00 pagi
<b>Tempat</b>	: SJKC CHONG HWA 2, Kluang
<b>Link Pendaftaran</b>	: <a href="https://docs.google.com/spreadsheets/d/1fcEFVzuC3NRB6x5BgSG8PeaH4UigUplz/edit#gid=630064734">https://docs.google.com/spreadsheets/d/1fcEFVzuC3NRB6x5BgSG8PeaH4UigUplz/edit#gid=630064734</a>

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama pihak tuan untuk memberi kebenaran kepada seorang murid dan guru pengiring di bawah seliaan tuan untuk menyertai pertandingan ini. Pastikan pelibatan murid mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/ penjaga. Pihak sekolah juga diingatkan supaya sentiasa menjaga kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid sepanjang program berlangsung serta mematuhi garis panduan yang sedang berkuatkuasa.

4. Segala pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi En. Hairul Azuan bin Ahdan, Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Kluang di talian 07-7741103 atau Pn. Lam Chin Chin, GPK Kokurikulum SJK(C) Chong Hwa 2 di talian 017-7306275. Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“SYNERGY IN EXECUTION TOWARDS RESOURCEFUL LEADERSHIP”**  
**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ZAINUDDIN BIN MD. RAMLAN)**  
Timbalan PPD Pembangunan Murid  
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang

Sk: Fail



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

---

## **KERTAS KONSEP**

# **PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK BAHASA CINA BAGI SJK (C) DAERAH KLUANG TAHUN 2024**

**TARIKH:**

**13 JULAI 2024**

**PENGELOLAAN BERSAMA:**

**PPD KLUANG**

**SJKC CHONG HWA 2, KLUANG**

**PERSATUAN GURU BESAR MALAYSIA DAERAH KLUANG (SJKC)**

**PERSATUAN GURU-GURU SEKOLAH CINA DAERAH KLUANG**

## PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK BAHASA CINA BAGI SJK(C) DAERAH KLUANG TAHUN 2024

### 1 PENGENALAN/ LATAR BELAKANG PERTANDINGAN:

Deklamasi puisi ialah satu persembahan seni pentas yang amat popular dalam kalangan penggiat sastera. Perkataan deklamasi berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud “declamare” atau “declaim” yang membawa makna membaca sesuatu hasil sastera yang berbentuk puisi dengan lagu gerak tubuh sebagai aset dan alat bantu. Deklamasi puisi ialah pembacaan puisi yang membabitkan suara, sebutan, nada, intonasi, mimik muka, gerak badan dan sebagainya. Selain itu, pertandingan ini juga bertujuan menanam minat murid terhadap mata pelajaran Bahasa Cina

### 2 OBJEKTIF PERTANDINGAN:

- 2.1 Memupuk minat murid mendeklamasi sajak dan mengapresiasi kesusasteraan Cina.
- 2.2 Meningkatkan kemahiran mendeklamasi sajak dalam kalangan murid.
- 2.3 Meningkatkan daya pentafsiran dan penghayatan murid terhadap sajak.
- 2.4 Memupuk nilai-nilai dan budi bahasa dalam kalangan murid.

### 3 KUMPULAN SASAR (KATEGORI)

- 3.1 Murid-murid Tahap 2 SJKC Daerah Kluang
- 3.2 Penyertaan perlu melalui sekolah dan terhad kepada seorang peserta sahaja.

### 4 BUTIRAN PELAKSANAAN PERTANDINGAN:

Tarikh : 13 Julai 2024 (Sabtu)  
Masa : 7:30 pagi - 1:00 tengah hari  
Tempat : Dewan SJKC Chong Hwa 2

### 5 PAKAIAN PESERTA

Semua peserta dikehendaki memakai pakaian sekolah semasa pertandingan.

### 6 FORMAT PERTANDINGAN:

- 6.1 Hanya SAJAK MODEN BAHASA CINA dibenarkan. Sajak yang bertemakan patriotik, nilai-nilai murni, kebudayaan dan perpaduan adalah digalakkan.
- 6.2 Isi kandungan sajak tidak boleh menyentuh sensitiviti kaum, agama dan politik.
- 6.3 Sajak yang digunapakai oleh pemenang bagi tiga ( 3 ) tahun yang lepas ( 2021, 2022 dan 2023 seperti dalam lampiran ) **TIDAK BOLEH** digunakan semula dalam pertandingan tahun 2024.
- 6.4 Masa deklamasi sajak **TIDAK BOLEH** melebihi 4 minit ( daripada mula hingga tamat ). Masa mula dikira sebaik sahaja peserta mula mendeklamasi sajak atau sebaik sahaja muzik latar dimainkan bagi peserta yang menggunakan iringan muzik latar.
- 6.5 Boleh menggunakan latar belakang muzik tanpa lirik.
- 6.6 Penggunaan dialek dan bahasa lain yang bersesuaian adalah dibenarkan, tetapi tidak boleh melebihi dua ( 2 ) ayat dan tidak boleh diulangi.
- 6.7 Penggunaan alat-alat sokongan **TIDAK DIBENARKAN**.
- 6.8 Masa mula dikira sebaik sahaja peserta mula mendeklamasi sajak atau sebaik sahaja muzik latar dimainkan bagi peserta yang menggunakan iringan muzik latar.

#### 6.9 Sistem Penolakan Markah :

- a. Selepas 4 minit : 1 markah ( 4:01s - 4:30s )  
2 markah ( 4:31s - 5:00s )  
2 markah ( 5:01s - 5:30s )  
2 markah ( 5:31s - 6:00s )  
2 markah ( 6:01s - 6:30s )  
2 markah ( 6:31s - 7:00s )

- b. Selepas 7 minit : 20 markah akan ditolak

6.10 Loceng akan dibunyikan sekali pada minit ke-4. Pada minit ke-4:30s, loceng akan dibunyikan sebanyak dua ( 2 ) kali menandakan markah akan ditolak.

6.11 Peserta hendaklah memakai pakaian seragam sekolah dan menutup lencana sekolah dengan kad nombor peserta yang disediakan oleh pihak penganjur. Peserta juga tidak dibenarkan memakai sebarang perhiasan.

6.12 Sekiranya menggunakan latar belakang muzik, rakaman muzik dikehendaki sedia dalam format MP3.

6.13 Peserta hanya dibenarkan menggunakan *stand mic* yang dibekalkan oleh pihak pengelola sahaja. Peserta tidak dibenarkan menyentuh dan menggerakkan *mic* tersebut.

### 7 FORMAT SKRIP SAJAK

7.1 Penyediaan skrip sajak dikehendaki menyatakan nama penyajak dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan:

- i. Versi Bahasa Cina : KaiTi ( *font 14* ); *spacing: 1.5*
- ii. Sinopsis sajak dalam versi Bahasa Melayu: Arial ( *font 12* )

### 8 KRITERIA PENILAIAN

8.1 Penilaian deklamasi sajak terdiri daripada tiga (3) orang panel hakim yang dilantik oleh pihak penganjur.

8.2 Tugas Penyelaras Panel hakim adalah untuk memastikan kelancaran penilaian pertandingan dan memberi garis panduan yang sewajarnya sekiranya wujud ketidakseirasan dalam keputusan pertandingan tersebut.

8.3 Keputusan Panel hakim adalah **MUKTAMAD**. Pihak pengelola tidak akan melayan apa jua rayuan daripada mana-mana pihak.

8.4 Setiap peserta akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:

- Gaya Penyampaian : 40 markah
- Intonasi : 30 markah
- Sebutan : 20 markah
- Pemilihan Karya : 10 markah
- Jumlah : 100 markah

**9 HADIAH**

Setiap peserta akan mendapat sijil penyertaan manakala pemenang akan mendapat piala dan sijil pencapaian.

Senarai anugerah yang diberikan adalah seperti berikut:

9.1 Setiap kategori, Johan, Naib Johan, Tempat Ke-3 dan 7 Saguhati (Tempat ke-4 hingga ke-10) disediakan.

**10 JAWATANKUASA KERJA PERTANDINGAN:**

**Pengerusi**

**En. Tan Guan Sen**

(Guru Besar SJK(C) Chong Hwa 2, Kluang)

**Penyelaras**

**Pn. Lam Chin Chin**

(Penolong Kanan Kokurikulum SJK(C) Chong Hwa 2 )

**Setiausaha**

**Pn. Tan Lem Beng**

(Ketua Panitia Bahasa Cina SJK(C) Chong Hwa 2 )

**Penolong Setiausaha**

**Pn. Choi Moi**

( Setiausaha Panitia Bahasa Cina SJK(C) Chong Hwa 2 )

**Bendahari**

**Cik. Hew Wai Wai**

(Bendahari PIBG)

**11 ANGGARAN PERBELANJAAN:**

( Punca Kewangan : Sumbangan Pengerusi LPS )

BIL	PERKARA	HARGA (RM)
1.	Hadiah Pemenang Kategori Murid Tahap 2 Johan Naib Johan Ke-3 Ke-4 hingga Ke-10	RM300.00
2.	Token Pengadil (3xRM120)	RM360.00
	Sijil Penyertaan (21 unit x 20 sen )	RM4.20
	Sijil Pencapaian (10 unit x 20 sen )	RM2.00
	Sijil Penghargaan ( 75 unit x 20 sen )	RM15.00
3.	Cenderamata Perasmi Pembukaan Majlis ( 1 X RM50 ) Hakim ( 3 X RM50 )	RM200.00
4.	Penginapan Pengadil ( 2 Bilik )	RM200.00
5.	Buku Program & Kad Jemputan	RM100.00
6.	Kudapan ( Guru Pengiring & Peserta ) ( 42 X RM 3 )	RM126.00
7.	Jamuan VIP & AJK ( 51 X RM 8 )	RM408.00
<b>JUMLAH</b>		<b>RM 1715.20</b>

**12 TENTATIF PROGRAM**

TENTATIF PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK SJK(C) DAERAH KLUANG

TARIKH / MASA	PERKARA
13.7.2024(SABTU) 7:30 a.m. – 8:00 a.m.	Pendaftaran Peserta
8:00 a.m. – 8:30 a.m.	Upacara Perasmian
8:30 a.m. - 1:00 p.m.	Pertandingan Deklamasi Sajak Tahap 2 bermula
	Penyampaian hadiah
	Bersurai


**13 PENUTUP**

Adalah diharapkan pertandingan ini dapat berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat serta objektifnya. Kerjasama dan sokongan yang diberikan samada dalam bentuk idea, sumbangan dan sebagainya amat kami hargai dan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

  
Disediakan oleh,

Disahkan oleh,

\_\_\_\_\_  
(LAM CHIN CHIN)  
Penyelaras Pengelola,  
Pertandingan Deklamasi Sajak Bahasa Cina  
bagi SJKC Daerah Kluang.

  
\_\_\_\_\_  
(TAN GUAN SEN)  
Pengerusi Pengelola,  
Pertandingan Deklamasi Sajak Bahasa Cina  
bagi SJKC Daerah Kluang.

## LAMPIRAN:



2024 年全国诗歌朗诵比赛：小学组不能采用的诗歌（2021-2023 诗歌）

2021 诗属（小学组）			
2021 诗属（小学组-低年组组）		2021 诗属（小学组-高年组组）	
题目/作者	第一句	题目/作者	第一句
1 大些，再下大些/ 金晔	我放慢了脚步	1 在山的那边/ 王家新	小时候，我常伏在窗口痴想
2 退休的冒险家/ 郑振邦	他总在饭后怀念	2 阿公的长廊/ 谢伟伦	阿公的长廊
3 到此止步/ 罗旭斌	从睡房到厕所，5 步	3 蝴蝶标本/ 卫翹	想飞 飞不出去
4 我只是小孩/ 逸丽	我只是个小孩	4 我在云里种首诗/ 李越沐	谁也没试过
5 仙人掌/ 高洪波	不知什么时候	5 夜里的骑士/ 张靖恩	你是勇敢的骑士

2022 诗属（小学组）			
2022 诗属（小学组-低年组组）		2022 诗属（小学组-高年组组）	
题目/作者	第一句	题目/作者	第一句
1. 牵一只蜗牛去散步/ 张文亮	爸爸给我一个任务 叫牵一只蜗牛去散步	1. 折伞记忆/ 罗旭斌	虚拟的左边是山城 右边是边城
2. 哭泣的小鹿/ 宫小军	走在都市的街头 我看见	2. 小石头的梦想之旅/ 佚名	我，是一块小石头，一块不起眼的小。
3. 小剪刀/ 冬静	我想拥有一把神奇的剪刀 咔嚓咔嚓	3. 少了一角/ 金燕	一间又一间 不停又走走
4. 世界因我而美丽/ 曾凌	我是一颗小水滴，乖乖地躺在云朵的杯	4. 致海/ 金燕 (改编自郭敬明《七顾深文》部分内容)	你好 我天天看着你的身影
5. 我要给风打扮打扮/ 方红树	我看见风筝在天空晒太阳	5. 亲爱的小鱼/ 改写: 陈采灵	亲爱的小鱼 我好爱你

2023 诗属（小学组）			
2023 诗属（小学组-低年组组）		2023 诗属（小学组-高年组组）	
题目/作者	第一句	题目/作者	第一句
1. 椰子·树/ 高祖儿	椰子越成鼎 椰树越担心	1. AIR/ 林健文	雨水分开山和城市 你在那边
2. 神秘雨林/ 卜安琪	阳光透过树梢洒落 空气都变成绿色	2. 凌空的锋芒/ 沈狂	每一只猛禽的瞳孔 燃烧着英雄的狂热
3. 云海垂钓/ 郑振邦	一闪一闪亮晶晶 挂在天上放光明	3. 我是女王/ 金子	空中的水珠 一颗颗争着往下掉
4. 隐形人/ 曾凌	悄悄地告诉你，有个隐形人	4. 娃娃的剪纸/ 艾源	一把普普通通的剪刀
5. 再见小主人/ 李越沐	有没有一颗流星 能像一条鱼儿	5. 小小男子汉的歌/ 佟希仁	我已不是沉迷于藤外婆小红帽的时候了。

2024 年全国诗歌朗诵比赛：中学组不能采用的诗歌（2021-2023 诗歌）

2021 诗篇（中学组）				
2021 诗篇（中学组-初中组）			2021 诗篇（中学组-高中组）	
	题目/作者	题目/作者	题目/作者	第一句
1	一个人的旅程——送母亲远行/ 杨泽	这回似乎—— 全然	1 船/ 白桦	我有过多次这样的奇遇
2	奴梦/ 李金顺	我以蜷缩的睡姿圈自己成为疆界	2 灯笼/ 何乃健	善变的天空又再刮起季风
3	魔术师/ 陈黎	那一夜，在人潮散去的桥头	3 淘金者与豹/ 宋琳	西部高原
4	天空（略作修改）/ 杨启勃	你走了	4 回家（略作修改）/ 木木清	漂泊的心一直在空中飞舞
5	岁月（略作修改）/ 国风	我寻找着寻找着	5 中国话/ 吴薇峰	有一种语言

2022 诗篇（中学组）				
2022 诗篇（中学组-初中组）			2022 诗篇（中学组-高中组）	
	题目/作者	第一句	题目/作者	第一句
1.	一只山鹰的死/李璜	一只鹰，一块长翅膀的石头	1. 野故事/陈大为	我们当然嫌弃历史这老土的文体
2.	翻回阳光/阿紫	我喜欢阳光，喜欢阳光下推开的……	2. 难民/戚克家	日头望到鸟巢里，黄昏还没溶尽如鸦的翅膀
3.	私贩之歌（节选）/郝田靖	当我从六十亿年前的睡床爬起	3. 楚霸王/波莹	他是黑暗中 陡然迸发起来的
4.	纸魂/沙河	一走出这片丛林 便没有再回望过	4. 寻李白/余光中 ——痛饮狂歌空度日 飞扬跋扈	为 谁谁 那一双傲慢的骰子至今还落在
5.	铜币(稍改动)/周若愚	用褪褪衣衫强调消瘦	5. 在南洋/陈大为	在南洋 历史饿得瘦瘦的野地方

2023 诗篇（中学组 - 初中组）				
2023 诗篇（中学组 - 初中组）			2023 诗篇（中学组 - 高中组）*即席朗诵	
	题目/作者	第一句	题目/作者	第一句
1.	吹号者/艾青	在那些瘫卧在铺着稻草的地面上的	1 海鸥/严阵	海鸥啊，白色的鸟，我久久地，久久地把你凝望
2.	黎明前的笔耕/王勇	灯光之下，一个背影 把夜拉得好长好长	2 木炭/王涛	此后唯一的等待只有火
3.	卵石乡恋/方路	在海和一滴水之间栖息	3 我们怎么会不懂/蒋燕	我们怎么会不懂那就是爱
4.	于尼亚洞/罗旭斌	我一时兴起，做了半天的洞人		
5.	苏丹街/萧志强	苏丹街老了 它躺在夕阳里苟延残喘		